



JABATAN PERHUTANAN SABAH
(ANNUAL WORK PLAN)

2017

PROJEK PEMULIHAN DAN KONSERVASI
HUTAN SIMPAN TRUSAN SUGUT (KELAS I)
(8,680 HEKTAR)

DAERAH PERHUTANAN BELURAN



DILULUSKAN OLEH:

(DATUK SAM MANNAN)

| No. | Longitude / | Latitude |
|-----|---------------|-------------|
| 1 | 06 18' 04.8" | 117 37' 45" |
| 2 | 06 16' 52.1" | 117 36' |
| 3 | 06 17' 25.1" | 117 34' |
| 4 | 06 18' 29.2 " | 117 33' |
| 5 | 06 19' 07.7 " | 117 32' |
| 6 | 06 21' 08.2" | 117 31' |
| 7 | 06 22' 44.7" | 117 30' |
| 8 | 06 23' 58 | 117 29' |
| 9 | 06 24' 2 | 117 28' |
| 10 | 06 25' 4 | 117 27' |
| 11 | | |
| 12 | | |

CHIEF CONSERVATOR OF FORESTS

NEGERI SABAH

TARIKH: 6/4/2017

ISI KANDUNGAN

| Bil | Perkara | Muka Surat |
|------------|---|-------------|
| | SENARAI LAMPIRAN | |
| 1.0 2.0 | PENDAHULUAN LATAR BELAKANG 2.1 Lokasi Kawasan Projek dan Keluasan 2.2 Jenis Hutan dan Tanah 2.3 Status Vegetasi 2.4 Pemuliharaan Fauna & Flora | 1-5 |
| 3.0 | OBJEKTIF PENGURUSAN 3.1 Pemulihan Hutan 3.2 Perlindungan Hidupan Liar 3.3 Perlindungan Hutan | 6-7 |
| 4.0 | ORGANISASI PENGURUSAN DAN PENYEDIAAN KAKITANGAN 4.1 Carta Organisasi 4.2 Keperluan Tenaga Kerja 4.3 Keperluan System Komunikasi 4.4 Keperluan Pengurusan Dan Tapak Projek | 8-10 |
| 5.0 | AKTIVITI AWP 2017 DAN ANGGARAN KOS PERLAKSANAAN PROJEK SFM SCA SUGUT 2017 5.1 Pembangunan Prasarana & Infrastruktur 5.2 Pemuliharaan Hutan 5.3 Meningkatkan Keselamatan Kawasan & Logistik 5.4 Wildlife Monitoring & Perolehan maklumat 5.5 Pensijilan FSC(Forest Stewardship Council) 5.6 Pengurusan Lapangan | 11-22 |
| 6.0 | RINGKASAN PERBELANJAAN TAHUN 2017 | 23-26 |
| | JADUAL PERLAKSANAAN KOMPONEN AWP 2017 JADUAL LIST PEMANTAUAN AKTIVITI PROJEK | 27-28 29 |
| 7.0 | AKTIVITI, PEROLEHAN & PENCAPAIAN PERBELANJAAN 2016 | 30 |
| 8.0 | CABARAN PERLAKSANAAN ANNUAL WORK PLAN 2016 | 31 |
| 9.0 | KESIMPULAN | 32 |
| 10 | LAMPIRAN PETA | |

RANCANGAN KERJA TAHUNAN(AWP 2017)

PROJEK PEMULIHAN DAN KONSERVASI HUTAN SIMPAN TRUSAN SUGUT

1.0 PENDAHULUAN

Rancangan Kerja Tahunan (AWP) ini adalah merupakan pelaksanaan Projek Pemulihan & Konservasi Hutan dalam konsep *Sustainable Forest Management* (SFM) dalam Hutan Simpan Sugut Beluran. Dirangka semula untuk kelanjutan usaha Jabatan Perhutanan Sabah, ke arah pemulihan hutan dan eko Pelancongan sebagai teras baru pengekalan hutan, di bawah pembiayaan Tabung PPM dan Tabung Pemulihan Hutan.

Rancangan Kerja Tahunan AWP 2017 ini merupakan kesinambungan AWP 2016 yang matlamat utamanya ialah masih meneruskan aktiviti-aktiviti Pemulihan hutan dengan kaedah rawatan Silvikultur dan penanaman buah-buahan pada kawasan-kawasan yang agak terbuka akibat aktiviti pembalakan lama dan kebakaran hutan. Dan selain itu penyediaan kemudahan-kemudahan aras seperti rumah penginapan staf, Bangsal pengkaji/Asrama TSFR, penyediaan bekalan api elektrik dan menaiktaraf jalan-jalan hutan sebagai jalan-jalan pengurusan diperingkat Compartent dan jalan perhubungan keluar masuk, Bot dan kenderaan khususnya untuk perlaksanaan kerja-kerja rutin dan pemantauan dalam Hutan Simpan Trusan Sugut (TSFR).




Rajah 1 : Lokasi Hutan Simpan Trusan Sugut (Beluran)

2.0 LATAR BELAKANG KAWASAN PROJEK

2.1 Lokasi Kawasan Projek dan Keluasan


Kawasan projek, adalah sebahagian Hutan Simpan Sugut Kelas II yang terletak di bawah kawalan Pejabat Perhutanan Daerah Beluran , iaitu , di selatan Sungai Sugut pada kedudukan **117.58 E – 117.73 E** dan **6.28 N-6.41 N**. Jumlah keluasan kawasan ini ialah **8,680 hektar**. Lokasi kawasan projek adalah seperti di rajah 1. Kawasan ini boleh diakses melalui jalan IJM Sabang yang bersambung dengan Jalan Sapi – Pitas sejauh 48km (gravel) 1 $\frac{1}{2}$ jam perjalanan. Manakala jarak daripada Sandakan ke Simpang Jalan IJM ialah lebih kurang 270km 2 $\frac{1}{2}$ jam perjalanan, dan jika menaiki bot dari Jeti Pekan Beluran ke Pangkalan Sg.Timbang lebih kurang) 1 $\frac{1}{2}$ jam perjalanan. Bagi memudahkan perancangan dan pengurusan, keseluruhan kawasan ini telah dibahagikan kepada 15 kompartmen yang dibentuk berpandukan topografi, stratum hutan, jalan dan sungai yang sedia ada seperti dalam **Rajah 2**.



Rajah 2 : Pembahagian Compartment Hutan Simpan Trusan Sugut

2.2 Jenis Hutan dan Tanah

Hasil tinjauan awal, terdapat 6 jenis hutan yang ketara meliputi kawasan ini iaitu, Hutan Tanah Pamah Dipterokarp (meliputi kompartmen 1, 3,dan 4), Hutan Kerenggas(meliputi kompartmen 2, 5, 9 dan 10) Hutan paya Air Tawar (meliputi kompartmen 6, 7, 8, 11 dan sebahagian 12 dan 13), Hutan paya nipah dan bakau (meliputi sebahagian kompatmen 13, 14 dan 15) dan Hutan Pantai(kompartmen 14 dan 15). Jenis tanah daratan utama kawasan Hutan Simpan Trusan sugut adalah tanah pasir berasid (*podzolic soil*). Jenis hutan dan tanah bagi seluruh kawasan ini hanya akan diketahui setelah *survey* yang dirancang dalam AWP ini dilaksanakan sepenuhnya di lapangan.



Rajah 3 : Peta Kajian tanah Hutan Simpan Trusan Sugut

2.3 Status Vegetasi


Klasifikasi stratum kawasan ini adalah seperti di jadual 1. Manakala taburan stratum dalam kawasan adalah seperti di **Lampiran B**

Jadual 1 : Pengkelasan Stratum Kawasan

| Stratum | Keluasan (hektar) |
|---------------------------|-------------------|
| Liputan Silara Yang Kecil | 1,420 |
| Stratum 4 | 4,276 |
| Stratum 5 | 592 |
| Kawasan Paya | 2,292 |

Mengikut pengklasan stratum tersedia , keseluruhannya kawasan hutan ini dianggap miskin kerana tiada stratum 1, 2 dan 3. Kawasan- kawasan di *compartment* 1, 2, 3, 4, 5, 10, 11 dan 14 telah dibalak dan mengalami degradasi dan hakisan yang ketara , khususnya bekas jalan dan tempat pengumpulan balak(landing). Namun demikian, masih terdapat regenarasi tumbuhan komersial yang mencukupi di sebahagian besar *compartment* tersebut. Di *compartment* 15, lebih kurang **450 hektar** pernah mengalami kebakaran teruk dan mengalami degradasi tumbuhan yang sangat ketara. Sementara itu keadaan hutan di Compartment 6, 7, 8, 12 dan 13 merupakan kawasan Hutan paya air tawar, manakala *Compartment* 9, *Compartment* 10, *Compartment* 14 dan *Compartment* 15 sebahagiannya diliputi hutan Bakau. Hutan Simpan Trusan Sugut ini, mempunyai 6 vegetasi yang ketara, iaitu Hutan Keranggas, Hutan Dipterokarpa Bukit, Hutan Paya Bakau, Hutan Paya Air Tawar, Hutan Paya Nipah dan Hutan Pantai.

Rajah 4 : Pengkelasan Liputan silara Kawasan Hutan Simpan Trusan Sugut



2.4 Pemuliharaan Fauna Dan Flora

Projek ini diwujudkan untuk memuliharkan (restore) kawasan Hutan Simpan Trusan Sugut yang terjejas teruk isi kandungan tumbuhannya akibat eksplotasi pembalakan yang berlebihan di masa lalu dan kebakaran hutan. Oleh itu, kaedah yang boleh memuliharkan dirian ini, adalah melalui aktiviti restorasi hutan dan rawatan silvikultur hutan. Memandangkan kawasan ini juga merupakan satu-satunya kawasan hutan daratan yang ada di Selatan Sungai Sugut dan telah terputus daripada hutan-hutan daratan yang lain, maka dengan usaha pemuliharaan hutan di kawasan ini, akan dapat mengekalkan ekosistem hiliran Sungai Sugut dan Sungai Sugut Parai. Hutan Simpan Trusan Sugut ini juga, mempunyai populasi orang utan yang agak banyak, berdasarkan kajian WWF-Malaysia pada 2014. Dan beberapa spesis monyet seperti kera, Bangkatan, Beruk dan lain-lain. Tembadau (Banteng), Rusa, pelanduk, ayam hutan, babi hutan, kijang, beruang madu, harimau dahan dan lain-lain. Oleh yang demikian pemuliharaan Hutan Simpan Trusan Sugut ini, adalah menjadi sangat penting untuk memastikan populasi orang utan dan beberapa spesis flora di kawasan ini dapat dikekalkan.



3.0 OBJEKTIF PENGURUSAN

3.1 Pemulihan Hutan

Selaras dengan Dasar Perhutanan Negara, usaha pemulihan hutan secara mampan dilaksanakan supaya dapat mengekalkan biodiversiti dan eko-sistem alam sekitar terpelihara. Kawasan Hutan Simpan Trusan Sugut ini adalah antara hutan yang terjejas teruk kandungan tumbuhannya, akibat ekspolitasi aktiviti-aktiviti pembalakan dan kebakaran hutan yang tidak terkawal. Oleh yang demikian hutan ini perlu dipulihkan melalui kaedah restorasi dan rawatan Silvikultur. Antara objektif utama Projek ini adalah seperti berikut;

- I) Mewujudkan persekitaran yang bersih, mesra alam dan melaksanakan pelbagai program untuk meningkat kesedaran social mengenai kepentingan eko-sistem hutan,
- II) Memulihkan kawasan hutan miskin dengan kaedah restorasi, rawatan silvikultur dan tanaman menggaya bagi mengekalkan eko-sistem dan penghijauan alam sekitar,
- III) Merancang, mengurus dan melaksanakan pelbagai program serta mewujudkan peluang pekerjaan yang relevan untuk peningkatan pendapatan isi rumah bagi mengurangkan ancaman pencerobohan hutan dan kepupusan dari kebakaran hutan.

3.2 Pelindungan Hidupan Liar

Hutan Simpan Trusan Sugut Beluran adalah merupakan sebahagian **daripada Hutan Simpan Sugut Kelas II yang berkeluasan keseluruhan 32, 007 hektar**. Hutan ini di diamai pelbagai spesis binatang dan tumbuhan yang menjadikan tempat ini sebagai tempat perlindungan hidupan liar dan menyediakan sumber makan kepada hidupan Liar. Kegiatan-Kegiatan seperti pembalakan, pembukaan ladang-ladang sekitar hutan, kebakaran hutan dan pemburuan haram telah mengakibatkan hutan dan hidupan liar ini terdedah kepada ancaman kepupusan. Dalam kawasan Hutan Simpan Trusan Sugut terdapat beberapa spesis mamalia terancam(*Endangered-EN*) seperti Orang Utan(*pongo pygmaeus*) dan Tembadau(*Bob Javanicus*). Spesis mamalia dalam bahaya(*Vulnerable-VU*) seperti Harimau Dahan(*Clouded Leopard*), Rusa(*Sambar Deer*) dan Babi hutan(*Sus barbatus*). Dengan adanya kaedah pemuliharaan ini akan dapat menyediakan ruang dan perlindungan terhadap hidupan tersebut.

3.3 Pelindungan Hutan

Perlindungan Hutan Simpan Trusan Sugut ini lebih tertumpu kepada kawasan-kawasan yang *sensitive* atau terdedah terhadap ancaman pencerobohan penerokaan tanah, pencerobohan aktiviti-aktiviti bantalan, pencerobohan aktiviti-aktiviti curi kulit tangar dan pemburuan haram. Pemantauan dilaksanakan dengan menggunakan kenderaan, motosikal, bot dan udara. Bermula bulan Januari 2014 sehingga kini, Pihak Pejabat Mukim Bonggaya Timur Dan Pejabat Mukim Bonggaya Barat, senantiasa memberi bekerjasama bagi membentras kegiatan-kegiatan jenayah hutan yang sering berlaku di kawasan Bakau mereka terutama sekali Kawasan hutan Bakau Kuala labuk dan Kuala Bonggaya. Pejabat SFM SCA Hutan Simpan Trusan Sugut, secara tidak langsung akan memantau kawasan-kawasan ini secara berkala dan berterusan. Jika tidak dibentras di peringkat mukim, kegiatan ini akan menjaskan bakau dalam persempadanan Projek SFM SCA Sugut. Dari segi tahap keselamatan kawasan ini, agak terkawal dengan tertubuhnya Pejabat Polis Di kampung Kniogan pada awal 2015. Dan penempatan Kem Tentara juga telah diujudkan seawal Tahun 2011. Pihak Polis dan Pihak tentera juga memberi kerjasama apabila Pihak Pengurusan Lapangan atau Pejabat Perhutanan Daerah Beluran membuat rondaan, terutama sekali yang melibatkan penceroboh dari Negara Filipina.



Pemeriksaan Sempadan TSFR bersama Mukim & MCEE Sandakan




PPD Beluran memantau perlaksanaan projek dan keselamatan Hutan



Papan tanda di larang masuk tanpa kebenaran di pasang setiap lokasi yang strategik

4.0 ORGANISASI PENGURUSAN DAN PENYEDIAAN KAKITANGAN

4.1 Carta Organisasi



4.2 Keperluan Tenaga Kerja

Pelaksanaan Operasi Pemulihan hutan dan konservasi hutan yang berkesan, amat memerlukan kakitangan yang *komited* dan Pengurusan menyediakan tenaga kerja yang mencukupi. Walaupun sebahagian besar aktiviti-aktiviti pemulihan itu dilaksanakan secara kontrak, namun perkhidmatan kakitangan khusus Projek adalah diperlukan secara tetap di dalam kawasan Projek. Dari segi Geografi kawasan Hutan Simpan Trusan Sugut ini, **Bahagian Timur** yang bersempadankan bakau Kuala Bonggaya kuala Labuk yang luas dan sering berhadapan dengan ancaman pencuriaan kulit tangar dan Penebangan kayu Geriting(di ubah menjadi Papan dan Beruti). **Bahagian Barat** bersempadankan ladang sawit yang sering di gunakan oleh pemburu-pemburu masuk untuk memburu. Dengan jumlah kakitangan yang sedia ada ini **masih tidak efisen** untuk memantau dan mengekang keseluruhan aktiviti-aktiviti pencerobohan haram tersebut.

Bagi memenuhi permintaan perkhidmatan tenaga ini, adalah dicadangkan daripada kalangan kakitangan-kakitangan Jabatan yang telah mengikuti kursus Perhutanan. Jumlah kakitangan yang diperlukan untuk melaksanakan projek ini ialah **sekurang-kurangnya 15 orang**, ini termasuk Pengurus lapangan, Kakitangan Lapangan dan Pemandu serta Jurumudi. **Setekad ini jumlah kakitangan yang ada pada 2017 ialah 11 orang**. Walaupun desakan tenaga kerja tinggi, sehingga kini hanya mendapat 2 pelantikan baru kakitangan kontrak sebagai Pembantu Penyelidikan dan 1 Pengawasan Hutan daripada Perlantikan projek yang mendapat latihan perhutanan(IPS) 2015. Merujuk Carta Organisasi; Pengurusan Lapangan masih memerlukan seramai 7 orang kakitangan lapangan tambahan dilantik secara kontrak untuk tempoh perlaksanaan Projek iaitu Seorang Pegawai SFM, seorang Pegawai Tadbir, Seorang Renjer hutan, 3 Orang Pemandu dan seorang Pembantu Jurumudi. Pengurusan di peringkat Lapangan ini **sepatutnya mempunyai seorang Kerani yang ditempatkan sepenuhnya di Pejabat Projek**. Manakala tugas-tugas penyeliaan Silvikultur, Restorasi hutan, Pemantauan Hidupan Liar dan Keselamatan Hutan adalah dipantauselia oleh kakitangan Jabatan yang sedia.

Anggaran kos penyeliaan dan pengurusan lapangan, iaitu pembayaran elauan kakitangan bagi tempoh **6 bulan pertama ialah Rm 87,806** Pecahan anggaran kos adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Anggaran Kos Elaun Penyeliaan dan Pengurusan Lapangan

| Jawatan | Bilangan Kakitangan | Hari/Bulan | Bulan/Tahun Bekerja | Kadar EGT | Jumlah (RM) |
|---|---------------------|------------|---------------------|-----------|----------------------|
| Pegawai Pengawal Projek G44 | 1 | 5 | 6 | 103.33 | RM 3,099.90 |
| Pegawai SFM G41 | 1 | 5 | 12 | 103.33 | RM 6,199.80 |
| Renjer Hutan | 4 | 15 | 12 | 93.32 | RM 67,190.40 |
| Pengawas Hutan | 4 | 15 | 12 | 83.33 | RM 59,997.60 |
| Pemandu/Jurumudi/PRA | 3 | 15 | 12 | 73.00 | RM 39,420.00 |
| JUMLAH ANGGARAN KOS ELAUN KAKITANGAN | | | | | RM 175,907.70 |

** Jangkamasa diperlukan untuk mengurus dan memuktamadkan organisasi pengurusan ialah **48 minggu**.Ini bermakna 01/01/2017 semua kakitangan yang diperlukan dijangkakan telah tersedia.

4.3 Keperluan System komunikasi

Kedudukan Hutan Simpan Trusan Sugut yang terpencil merupakan satu cabaran yang utama untuk pelaksanaan aktiviti dengan lancar. Sebahagian kawasan boleh diakses melalui jalan darat (Kompartmen 1, 2, 3, 4, 5 dan 9) manakala sebahagian lagi hanya boleh diakses melalui sungai dan laut (Kompartmen 6, 7, 8, 10, 11, 12, 13 dan 14).

Berdasarkan pengalaman 2016, selain kenderaan dan bot, **keperluan Alat Komunikasi** adalah merupakan keperluan yang mendesak dan berkesan terutama sekali dalam soal pemantauan keselamatan hutan. Penceroboh lebih pantas dan mahir terutama sekali di kawasan bakau. Oleh yang demikain bagi menangani perkara ini, Pihak Pengurusan Projek memerlukan tambahan **system komunikasi** supaya semua operasi dapat ditumpukan sepenuhnya dalam Hutan Simpan Trusan bagi memudahkan semua pengurusan berkaitan projek. Memandangkan kemudahan komunikasi dan Internet tiada, **Pengurusan terpaksa menumpang Pejabat Perhutanan Daerah Beluran. Jarak antara lokasi SCA Sugut ke PPD Beluran lebih kurang 280KM.**

4.4 Keperluan Pengurusan dan Penyelenggaraan Tapak Projek

Pada masa ini base camp telahpun diwujudkan sebagai tapak penempatan ataupun pusat operasi. Kemudahan-kemudahan asas tersedia di sini termasuklah, sebuah rumah staf, sebuah rumah pengurus Projek, sebuah Cabin, sebuah jeti(Sg.Timbang 1), sebuah Bangsal penginapan, Mini pejabat, tandas awam, stor, kemudahan paip air, sebuah bangunan genset, stor Api, sebuah pondok Sampah kitaran, tapak Landing Helicopter dan kelengkapan perkhemahan. Adalah dianggarkan bajet untuk menyelenggara segala kemudahan yang sedia ada, supaya sentiasa dalam keadaan yang baik dan sempurna, dari masa ke semasa, lebih kurang sebanyak **RM50,000.00** dianggarkan bagi perbelanjaan pengurusan dan penyelenggaraan base camp dan pembelian peralatan sokongan. Pecahan peruntukan ini khusus dikendalikan oleh **Pegawai Pengawal Peringkat Daerah** adalah untuk memudahkan Pihak Pengurusan Lapangan membuat kerja-kerja rutin.

Jadual 3: Anggaran Perbelanjaan Pengurusan Tapak Projek

| Keperluan | Kuantiti | Anggaran Kos (RM) |
|---|--|---------------------|
| Pembelian Mesin pemotong rumput | 3 buah | RM 7,000.00 |
| Bettery Camera Trip(Setahun) | 5 buah camera | RM 3,500.00 |
| Perolehan alat ganti motosikal | 2 buah | RM 2,500.00 |
| Penyediaan & Penyelenggaraan Kemudahan Basa Camp | System Air & Sabun Peralatan kebersihan | RM 7,000.00 |
| Penyelenggaraan landskap | Baja & Bunga | RM 7,500.00 |
| Pembekalan Chinsaw | 1 buah | RM 2,500.00 |
| Pembekalan alat ganti kerosakan /pembaikian Mesin fotostet, lampu bangunan, mesin rumput, pump Air, Chinsaw dan lain-lain | | RM 20,000.00 |
| Jumlah | | RM 50,000.00 |

5.0 AKTIVITI ANNUAL WORK PLAN TAHUN 2017

5.1. Pembangunan Prasarana Dan Infrastruktur

5.1.1. Pembinaan Pejabat SCA Sugut (Cpt2)

- ✓ Perjanjian dan Plan Bangunan-Disediakan Oleh (PPA)
- ✓ Skop Kerja; Membersih Kawasan Tapak, mengorek, menyimen, memasang komponen Binaan
- ✓ Anggaran kos **RM 600, 000.00**
- ✓ Dijangka mula kerja (April Sehingga September 2017)- Tertakluk Peruntukan 2017

5.1.2. Pembinaan Nursery Komited(Cpt 4)

- ✓ Perjanjian dan Plan bangunan-Disediakan Oleh PPA
- ✓ Skop Kerja; Membersih Kawasan Tapak, merata, Menabur gravel, memasang Jaring Dan komponen-Komponen Binaan
- ✓ Anggaran kos **RM 35, 000.00**
- ✓ Dijangka bulan April & Jun 2017- Tertakluk Peruntukan

5.1.3. Pembinaan Platform “Bird Watching Spot”(Cpt 5, Cpt 9)

- ✓ Perjanjian & Plan Binaan (PPA)
- ✓ Skop Kerja; Membersih Kawasan Tapak, mengorek, menyimen, memasang komponen Binaan
- ✓ Anggaran kos **RM 55, 000.00**
- ✓ Dijangka bulan April & July 2017- Tertakluk Peruntukan

5.1.4. Menaik Taraf kinopi Dan Pelantar Bot Jeti Sg.Timbang I (Cpt 4)

- ✓ Perjanjian dan Plan Binaan(PPA)
- ✓ Skop Kerja; Membersih Kawasan Tapak, mengorek, menyimen, memasang komponen Binaan
- ✓ Anggaran kos **RM 100,000.00**
- ✓ Dijangka bulan Februari & Mei 2017- Tertakluk Peruntukan

5.1.5. Pembinaan Trail Belian 300 Meter ke Gua Sam mannan (Cpt4)

- ✓ Perjanjian & Plan(PPA)
- ✓ Skop Kerja; Membersih Kawasan Tapak dan memasang komponen Binaan
- ✓ Anggaran kos **RM 55,000.00**
- ✓ Dijangka mula kerja (Mei Sehingga July 2017)

5.1.6. Pembinaan Trail “ Night Safari “ untuk Pemerhatian wildlife

- ✓ Perjanjian & Plan(PPA)
- ✓ Skop Kerja; Membersih Lorong 3 meter Kiri kanan, membina Titian atau Jambatan
- ✓ Anggaran kos **RM 25, 000.00**
- ✓ Dijangka mula (April & July 2017)

5.1.7. Naiktaraf Tapak Perkhemahan Konkrit(8'X8')=10 Buah, Tandas & Dapur

- ✓ Perjanjian dan Plan (PPA)
- ✓ Skop kerja; Membersih Tapak, mengorek, merata, menyimen dan memasang komponen-komponen Binaan
- ✓ Anggaran kos **RM 100, 000.00**
- ✓ Dijangka mula Bulan(April & Ogos 2017)- Tertakluk Peruntukan

5.1.8. Pembinaan 1 Buah Bangunan Tandas & Tangki (Cpt5)

- ✓ Perjanjian dan Plan (PPA)
- ✓ Skop Kerja; Membersih Kawasan Tapak, mengorek, menyimen, memasang komponen Binaan
- ✓ Anggaran kos **RM 35, 000.00**
- ✓ Dijangka mula kerja (Mei Sehingga July 2017)

5.1.9. Upgrade Tandas Awam Resthouse Di FCS SCA (CPT2)

- ✓ Perjanjian dan Plan (PPA)
- ✓ Skop Kerja; Membekal dan memasang komponen Binaan
- ✓ Anggaran kos **RM 40, 000.00**
- ✓ Dijangka bulan(Mei & Sept 2017) - Tertakluk Peruntukan

5.1.10. Pembinaan Pondok Kawalan Kawasan Sempadan Sayongmas (CPT 1)

- ✓ Perjanjian(PPA) & Luas Plan 10" X 10" Bertiang tinggi 12 Kaki (Belian) kawasan Rendah
- ✓ Skop Kerja; Membersih Kawasan Tapak, mengorek, menyimen, memasang komponen Binaan
- ✓ Anggaran kos **RM 55, 000.00**
- ✓ Dijangka bulan(Jun & Sept 2017) - Tertakluk Peruntukan

5.1.11. Pembekalan Dan pemasangan Pendawaian Kawasan Jeti Cpt 4

- ✓ Perjanjian dan Plan (PPA)
- ✓ Lakaran Lokasi kerja dalam Peta Hutan Simpan Trusan Sugut
- ✓ Skop Kerja; Membekal peralatan dan memasang Pendawaian 400m daripada Sumber Api ke Jeti
- ✓ Anggaran kos **RM 50, 000.00**
- ✓ Dijangka mula (April & July 2017)- Tertakluk Peruntukan

5.1.12. Perkhidmatan *Servising Engine Genset* dan kerosakan

- ✓ Penyediaan Perjanjian(PPA); Perkhidmatan servis Genset @ 4 kali / Year
- ✓ Skop Kerja; Membekal, menukar Minyak, Fuelter kecuali Kerosakan yang berat.
- ✓ Anggaran kos **RM 20,000.00**
- ✓ Tempoh Perjanjian dari bulan (March, Jun, Sept, Dis 2017) - Tertakluk Peruntukan

5.1.13. Penyelenggaraan Jalan Akses 7KM(Jln Melukap, Jln Tapak & Jln De Petin)

- ✓ Perjanjian(PPA) dan Map (SCA Sugut)
- ✓ Skop kerja; Membersih fazikal jalan, membentuk permukaan , membina parit, membekal & memasang culvert, merata & menghimpit jalan.
- ✓ Anggaran kos **RM 250, 000.00**
- ✓ Dijangka mula (April hingga Jun 2017) - Tertakluk Peruntukan

5.1.14. Membekal & Memasang Guarter, Tangki Di Gazebo Puncak Fidelis Dan Signbord konkrit (Cpt 5)

- ✓ Perjanjian dan Plan(PPA)
- ✓ Skop Kerja; Membekal dan memasang komponen peralatan bangunan
- ✓ Anggaran kos **RM 45, 000.00**
- ✓ Dijangka bulan(Jun & Sept 2017) - Tertakluk Peruntukan

5.1.15. Menaiktaraf Culvert Sungai Rose Jalan Mainroad Bosku (Cpt 2)

- ✓ Perjanjian(PPA) dan Map (SCA Sugut)
- ✓ Skop kerja; Membekal, memasang Culvert Konkrit, membentuk permukaan dan menghimpit jalan.
- ✓ Anggaran kos **RM 60, 000.00**
- ✓ Dijangka mula (Ogos hingga Oktober 2017) - Tertakluk Peruntukan

5.2. Pemuliharaan Hutan

5.2.1. Rawatan Silvilkultur 1,625 Hektar (Cpt 3, 7, 10, 11, 14)

- ✓ Perjanjian (PPA) 400/per ha. Dan Peta Operasi (SCA Sugut) ;
- ✓ Skop Kerja; Menyedia jalur rawatan, memotong Wadan, akar kurang 15cm DBH
- ✓ Anggaran kos **RM 650, 000.00**
- ✓ Dijangka mula kerja (Februari sehingga November 2017)- Tertakluk Peruntukan

5.2.2. Penanaman 50 Hektar(Pelbagai Spesis Buah-buahan)Cpt 9 & Cpt 10

- ✓ Penyediaan Perjanjian(PPA) 5000/per ha. Dan Peta Operasi (SCA Sugut)
- ✓ Skop Kerja; Menyedia Jalur, Membersih 3m lebar jalur, Mengangkat bibit, Menanam pokok dan Membaja
- ✓ Anggaran kos **RM 250, 000.00**
- ✓ Mula kerja (Ogos sehingga Disember 2017) - Tertakluk Peruntukan

5.2.3. Penyelenggaraan Tanaman 112.86 ha (Cpt 2, 3, 4 & 5)

- ✓ Penyediaan Perjanjian(PPA) 640/per ha @ 4 Pusingan dan Peta Operasi (SCA Sugut)
- ✓ Skop Kerja; Membersih pokok, Membuka silara, Memotong , menyusun kayu, Menyulam & Membaja
- ✓ Anggaran kos **RM 288, 921.60**
- ✓ Dijangka mula kerja (March, Jun, sept & Disember 2017)- Tertakluk Peruntukan

5.2.4. Penanaman Bakau seluas 30 ha(Cpt 14 & 15)

- ✓ Penyediaan Perjanjian(PPA) 6000/per ha @ 4 dan Peta Operasi (SCA Sugut)
- ✓ Skop Kerja; Membersih kawasan, menanam
- ✓ Anggaran kos **RM 180,000.00**
- ✓ Dijangka mula kerja (Jun sehingga ogos 2017)- **Tertakluk Peruntukan ISME**

5.3. Meningkatkan Keselamatan Kawasan Konservasi Dan Logistik

5.3.1. Perolehan Kenderaan 2 buah Untuk Perlindungan Hutan

- ✓ Kelulusan *Chief Conservator Of Forests Sabah*
- ✓ Rekomendasi ; SCA Sugut ke arah program pelancongan maka Pejabat Ini memerlukan sebuah Kenderaan Khusus VIP.
- ✓ Anggaran kos RM 300, 000.00
- ✓ Dijangka diperlukan pada Mei 2017

5.3.2. Pemasangan Papan Tanda & Plet FD

- ✓ Pegawai Perhutanan Daerah Beluran
- ✓ Skop Kerja; Sasaran adalah di sepanjang Sempadan dan kawasan yang strategik
- ✓ ‘Sempadan Hutan Simpan’- 100 Keping Dan Dalam kawasan Hutan Simpan’- 100 Keping
- ✓ Anggaran Kos-Gaji dan Elaun
- ✓ Dijangka mula kerja (Januari sehingga Disember 2017)- Dilakukan Staf SFM SCA

5.3.3. Perolehan Pembekalan Bot 2 buah Dan Engine 40sp 2 buah (Senyap)

- ✓ Kelulusan *Chief Conservator Of Forests sabah*
- ✓ Rekomendasi ; Berikutan penambahan keluasan kawasan Kawalan dan keselamatan Hutan
- ✓ Anggaran kos RM 100,000.00
- ✓ Dijangka diperlukan pada Februari-March 2017

5.3.4. Perolehan 4 buah mesin Pemotong Rumput

- ✓ Melalui Pegawai Perhutanan Daerah Beluran
- ✓ Rekomendasi ; Kegunaan untuk pembersihan kawasan Pejabat dan pembersihan sepanjang jalan Utama dalam Hutan simpan Trusan Sugut
- ✓ Anggaran kos RM 7, 000.00
- ✓ Dijangka diperlukan pada March-April 2017

5.3.5. Rondaan Udara(6 kali per/year)

- ✓ Melalui Pegawai Perhutanan Daerah Beluran
- ✓ Skop Pengesahan melalui Udara; sebanyak 6 kali setahun, kesan pencerobohan Hutan Dan kebakaran Hutan
- ✓ Anggaran kos **RM 40,000.00**
- ✓ Dijangka mula - Februari , April, Jun, Ogos, Oktober, Disember 2017

5.3.6. Rondaan Darat

- ✓ Pengurus Lapangan SCA Sugut
- ✓ Skop Kerja; Sasaran Sepanjang Tahun Kawasan Sempadan IJM, IDC, Sayong Mas dan Hibumas
- ✓ Anggaran Kos- **Gaji & Elaun**
- ✓ Dijangka mula- Januari sehingga Disember 2017

5.3.7. Rondaan Laut Dan Sungai

- ✓ Pengurus Lapangan SCA Sugut
- ✓ Skop Kerja; Sasaran pemantauan sepanjang tahun kawasan Sg.Timbang I & II, Sg.Bibiya, Sg.Bangkitan, Sg.Tagahang, Sg.Pitas, Sg.Matombok, Sg.Geriting,Sg.Koyak, Sg.Sugut dan Sg.Sugut Parai
- ✓ Anggaran Kos- **Gaji & Elaun**
- ✓ Di Jangka Mula- Januari sehingga Disember 2017

5.3.8. Perolehan 1 set Walkie Talkie untuk Rondaan

- ✓ Pegawai Perhutanan Daerah Beluran
- ✓ Rekomendasi; Memudahkan komunikasi semasa membuat Rondaan
- ✓ Anggaran Kos- **RM 15, 000.00**
- ✓ Di Jangka Mula diperlukan Februari-March 2017

5.3.9. Perolehan Chinsaw untuk Rondaan

- ✓ Pegawai Perhutanan Daerah Beluran
- ✓ Rekomendasi; Kemudahan memotong halangan semasa membuat Rondaan
- ✓ Anggaran Kos- **RM 2,500.00**
- ✓ Di Jangka Mula diperlukan Februari-March 2017

5.3.10. Pembekalan Spot light 6 set untuk Rondaan Malam

- ✓ Pegawai Perhutanan Daerah Beluran
- ✓ Rekomendasi; Memudahkan penglihatan semasa membuat Rondaan malam
- ✓ Anggaran Kos- **RM 3,000.00**
- ✓ Di Jangka Mula diperlukan Februari-March 2017

5.3.11. Pembekalan Peralatan Pengecas Betteri Basah

- ✓ Pegawai Perhutanan Daerah Beluran
- ✓ Rekomendasi; Kemudahan Pengecasan semula beteri Basah
- ✓ Anggaran Kos- **RM 1,200.00**
- ✓ Di Jangka Mula diperlukan Februari-March 2017

5.4. Wildlife Monitoring & Perolehan Maklumat

5.4.1. Perolehan 5 Camera TriP

- ✓ Rekomendasi ; Perolehan data wildlife dan keselamatan Hutan
- ✓ Anggaran kos **RM 25,000.00**
- ✓ Dijangka diperlukan pada Februari 2017

5.4.2. Perolehan Video Dokumentari Sugut Conservation Aera

- ✓ Melalui FSP
- ✓ Sasaran mengujudkan dokumentari- Fauna dan Flora Hutan Simpan Trusan Sugut
- ✓ Anggaran kos **RM 50,000.00**
- ✓ Dijangka bulan Februari-March 2017
- ✓

5.4.3. Lestari Sumber Ikan(Tagal System)

- ✓ Merujuk Pakar RDC
- ✓ Sasaran; Sungai Sugut Parai(Jenis Ikan Kanai)
- ✓ Anggaran kos **RM 15, 000.00**
- ✓ Dijangka bulan Februari-April 2017

5.4.4. Perolehan Beteri 2A Untuk Kemera

- ✓ Melalui Pejabat Perhutanan Daerah Beluran
- ✓ Sasaran mengesan Wildlife dan Sebarang Pencerobohan di kawasan yang strategik
- ✓ Anggaran kos **RM 3,120.00**
- ✓ Dijangka bulan Februari 2017

5.4.5. Update Laporan Wildlife SFM Sugut Conservation Aera

- ✓ Pengurus Lapangan SCA Sugut
- ✓ Untuk mendapat maklumat wildlife SFM SCA Sugut
- ✓ Dijangka bulan April 2017

5.5. Pensijilan FSC(Forest Stewardship Council)

5.5.1. Kelulusan Pindaan FMP SFM SCA.

- ✓ Melalui Pegawai Perhutanan Daerah Beluran
- ✓ Pakar Penyelidikan RDC Sepilok Dan WWF Malaysia akan menyediakan *Dokument FMP*
- ✓ Dijangka Siap pada bulan (March-April 2017)

5.5.2. Update Sesawang SFM Sugut Conservation Aera

- ✓ Pengurus Lapangan SCA Sugut
- ✓ Menambahbaik paparan maklumat SFM SCA Sugut
- ✓ Dijangka bulan Mei 2017

5.5.3. Update Laporan HCV SFM Sugut Conservation Aera

- ✓ Pengurus Lapangan SCA Sugut
- ✓ Menambahbaik paparan maklumat SFM SCA Sugut
- ✓ Dijangka bulan Februari 2017

5.5.4. Persediaan Auditor FSC

- ✓ Pejabat SCA TSFR dan Pejabat Perhutanan Daerah Beluran
- ✓ Penyediaan *Dokument- Dokument* Menjawab (CARs)
- ✓ Anggaran kos RM 50,000.00
- ✓ Dijangka pada bulan (17-20 July 2017)

5.5.5. Kemaskini Data SOP

- ✓ Pejabat SCA Sugut dan Pejabat Perhutanan Daerah Beluran
- ✓ Penyediaan *Dokument SOP-* Hutan Simpan Trusan Sugut
- ✓ Dijangka pada bulan (March 2017)

5.5.6. Kemaskini Data EIA

- ✓ Pegawai Perhutanan Daerah Beluran
- ✓ Penyediaan *Dokument EIA*- Hutan Simpan Trusan Sugut
- ✓ Dijangka pada bulan (March 2017)

5.5.7. Kemaskini Kadar Kemandirian(Survival Rates) Tanaman

- ✓ Pejabat SCA Sugut
- ✓ Penyediaan *Dokument Pengutipan* data tanaman- Hutan Simpan Trusan Sugut
- ✓ Dijangka pada bulan (Jun Disember 2017)

5.5.8. Pemantauan Kualiti Air

- ✓ FRC Menyediakan Dokument dan Perjanjian
- ✓ Penyediaan *Dokument- Map Lokasi pengutipan sampel Air*
- ✓ Anggaran kos **RM 15,000.00**
- ✓ Dijangka pada bulan (March dan September 2017)

5.5.9. Aktiviti-Aktiviti Komuniti Dan Stakeholder

- ✓ Pegawai Pengawal Projek dan Pengurus Lapangan
- ✓ Mesyuarat dan Lawatan ke Daerah yang mengurus hutan secara mampan
- ✓ Anggaran kos **RM 30,000.00**
- ✓ Dijangka (April dan Oktober 2017)

5.5.10. Penyelenggaraan Sempadan Bahagian Utara Hutan Simpan Trusan Sugut

- ✓ Perjanjian(PPA) dan Map(SCA Sugut) untuk 42, 000 Meter Panjang Sempadan
- ✓ Skop Kerja; Membersih Lebar 3m('Under brushing' sehingga permukaan Tanah), cat merah selang 2 meter dan pemasangan Plat Sempadan setiap 500 meter. Pokok Komersial 10cm (DBH) ke atas dan pokok- pokok larangan & buah-buahan tidak ditebang. **Kiraan Kos 3m/500=0.15(Rm40.00)/6-10 orang**
- ✓ Anggaran kos **RM 40,000.00**
- ✓ Dijangka Perlaksanaan (March dan Ogos 2017) - Tertakluk Peruntukan

5.6. Pengurusan Lapangan

5.6.1. Penyeliaan & Penyelenggaraan Projek

- ✓ Pengurus Lapangan & Kakitangan SCA Sugut
- ✓ Skop Kerja; menyelia semua aktiviti dalam SFM Sugut. Rawatan Sivikultur, Restorasi hutan, Penyediaan Prasarana, Infrastruktur dan penguatkuasaan Enakment hutan.
- ✓ Anggaran kos- **Gaji & Elaun****
- ✓ Dijangka pada bulan Januari-Disember 2017

5.6.2. Laporan Quarterly Projek SFM Sugut

- ✓ Pengurus Lapangan SCA Sugut
- ✓ Sasaran sepanjang Tahun untuk penilaian pencapaian kerja AWP 2017
- ✓ Anggaran kos- **Gaji & Elaun****
- ✓ Tempoh Laporan March, Jun, sept, Disember 2017

5.6.2. Laporan Quarterly Penggunaan Peruntukan PPM

- ✓ Pengurus Lapangan SCA Sugut
- ✓ Sasaran sepanjang Tahun untuk penilaian pencapaian kerja dan perbelanjaan
- ✓ Anggaran kos- **Gaji & Elaun****
- ✓ Tempoh Laporan April, Ogos, Disember 2017

5.6.2. Laporan Compliance Projek SFM Sugut

- ✓ Pengurus Lapangan SCA Sugut
- ✓ Sasaran sepanjang Tahun untuk penilaian pencapaian kerja
- ✓ Anggaran kos- **Gaji & Elaun****
- ✓ Tempoh Laporan Disember-Januari 2018

5.6.6. Perolehan Landskap SCA Sugut

- ✓ Pegawai Perhutanan Daerah Beluran dan Pengurus Lapangan SCA Sugut
- ✓ Menghijaukan kawasan Pejabat, Jeti dan Kawasan yang perlu di urus bagi memberi keceriaan.
- ✓ Anggaran kos **RM 30,000.00**
- ✓ Dijangka bulan(April hingga Ogos 2017)

6.0. ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2017

Jadual 4. RINGKASAN AKTIVITI DAN ANGGARAN KOS TAHUN 2017 PROJEK SFM SUGUT CONSERVATION AREA

| AKTIVITI SFM SCA SUGUT | JUMLAH |
|---|-------------------------|
| 5.1 Pembangunan Prasarana dan Infrastruktur | |
| 5.1.1. Pembinaan Pejabat SCA Sugut (Cpt2) | RM 600, 000.00 |
| 5.1.2. Pembinaan Nursery Komited(Cpt 4) | RM 35, 000.00 |
| 5.1.3. Pembinaan Platform "Bird Watching Spot"(Cpt 5, Cpt 9) | RM 55, 000.00 |
| 5.1.4. Menaik Taraf kinopi Dan Pelantar Bot Jeti Sg.Timbang I (Cpt 4) | RM 100, 000.00 |
| 5.1.5. Pembinaan Trail Belian 300 Meter ke Gua Sam mannan (Cpt4) | RM 55, 000.00 |
| 5.1.6. Pembinaan Trail " Night Safari " untuk Pemerhatian wildlife | RM 25, 000.00 |
| 5.1.7. Upgrade Tapak Perkhemahan Konkrit(8'X8')=10 Buah, Tandas & Dapur | RM 100, 000.00 |
| 5.1.8. Pembinaan 1 Buah Bangunan Tandas & Tangki (Cpt5) | RM 35, 000.00 |
| 5.1.9. Upgrade Tandas Awam Resthouse Di FCS SCA (CPT2) | RM 40, 000.00 |
| 5.1.10. Pembinaan Pondok Kawalan Kawasan Sempadan Sayongmas (CPT1) | RM 55, 000.00 |
| 5.1.11. Penyelenggaraan Sempadan Bahagian Utara Hutan Simpan Trusan Sugut | RM 30, 000.00 |
| 5.1.12. Pembekalan Dan pemasangan Pendawaian Kawasan Jeti Cpt 4 | RM 50, 000.00 |
| 5.1.13. Perkhidmatan <i>Servising Engine</i> Genset dan kerosakan | RM 20, 000.00 |
| 5.1.14. Penyelenggaraan Jalan Akses 7KM(Jln Melukap,Jln Tapak & Jln De Petin) | RM 250 ,000.00 |
| 5.1.15. Membekal & Memasang Quarter, Tangki Di Gazebo Puncak Fedelis Dan Signbord konkrit (Cpt 5) | RM 45, 000.00 |
| 5.1.16. Menaiktaraf Culvert Sungai Rose Cpt 2 | RM 60, 000.00 |
| Total | RM 1, 500,000.00 |

| AKTIVITI SFM SCA SUGUT | JUMLAH |
|--|--------------------------|
| 5.2 Pemuliharaan Hutan | |
| 5.2.1. Rawatan Silvilkultur seluas 1,625 hektar (Cpt 3, 7, 10, 11) | RM 650, 000.00 |
| 5.2.2. Penanaman 50 Hakter(Pelbagai Spesis Buah-buahan hutan) | RM 250, 000.00 |
| 5.2.3. Penyelenggaraan Tanaman 112.86 ha@ 4 pusingan(Cpt 2, 3, 4 & 5) | RM 288, 921.60 |
| 5.2.4. Pemulihan Hutan Bakau seluas 30 hektar(Cpt 14, 15)- Cadangan di bawah Dana ISME | Rm 180,000.00 |
| Total | RM 1, 368, 921.60 |
| | RM 1, 188, 921.60 |

| AKTIVITI SFM SCA SUGUT | JUMLAH |
|--|----------------------|
| 5.3 Meningkatkan keselamatan kawasan Konservasi Dan Logistik | |
| 5.3.1. Perolehan Kenderaan 2 buah Untuk Perlindungan Hutan TSFR Utara | RM 300, 000.00 |
| 5.3.3. Perolehan Pembekalan Bot 2 buah Dan Engine 40sp 2buah | RM 100, 000.00 |
| 5.3.4. Perolehan 4 buah mesin Pemotong Rumput | RM 7, 000.00 |
| 5.3.5. Rondaan Udara(6 kali per year) | RM 40, 000.00 |
| 5.3.8. Perolehan 1 set Walkie Talkie untuk Rondaan | RM 15, 000.00 |
| 5.3.9. Perolehan Chinsaw untuk Rondaan | RM 2, 500.00 |
| 5.3.10. Pembekalan Spot light 6 Biji | RM 3, 000.00 |
| 5.3.11. Pembekalan Peralatan Pengecas Betteri Basah | RM 1, 200.00 |
| Total | RM 468,700.00 |

| AKTIVITI SFM SCA SUGUT | JUMLAH |
|---|----------------------|
| 5.4 Wildlife Monitoring & Perolehan Maklumat | |
| 5.4.1. Perolehan 5 Camera TriP | RM 25, 000.00 |
| 5.4.2. Perolehan Video Dokumantari Sugut Conservation Aera | RM 50, 000.00 |
| 5.4.3. Lestari Sumber Ikan TSFR (Spesis Ikan kanai) | RM 15, 000.00 |
| 5.4.4. Perolehan Beteri 2A Untuk Kemera | RM 3,120.00 |
| Total | RM 93, 120.00 |

| AKTIVITI SFM SCA SUGUT | JUMLAH |
|--|----------------------|
| 5.5 Pensijilan FSC(Forest Stewardship Council) | |
| 5.5.4. Persediaan Auditor FSC | RM 50, 000.00 |
| 5.5.8. Pemantauan Kualiti Air | RM 15, 000.00 |
| 5.5.9. Aktiviti-Aktiviti Komuniti Dan Stakeholder | RM 30, 000.00 |
| 5.5.10. Penyelenggaraan sempadan TSFR(Komuniti) | RM 30,000.00 |
| Total | RM 125,000.00 |

| AKTIVITI SFM SCA SUGUT | JUMLAH |
|--|------------------------|
| 5.6 Pengurusan Lapangan | |
| 5.6.6. Perolehan Landskap SCA Sugut | RM 30,000.00 |
| Jadual 2: Anggaran Kos Perolehan khusus Pentdbiran SCA TSFR | RM 50,000.00 |
| Jadual 2: Anggaran Kos Elaun Penyeliaan & Perlaksanaan Projek | RM 175,907.70 |
| Total | RM 255,907.70 |
| | |
| Jumlah keseluruhan Anggaran | RM 3,811,649.30 |

Jadual 5; Jadual Perlaksanaan Komponen Aktiviti AWP Sepanjang Tahun 2017

| Komponen | Aktiviti | 2017 | | | | | | | | | | | | |
|---|---|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|---|
| | | J A N | F E B | M A C | A P R | M E I | J U N | J U L | O G S | S E P | O K T | N O V | D I S | |
| Penyediaan dan kelulusan | Annual Work Plan | V | V | | | | | | | | | | | |
| Pembangunan Prasarana Dan Infrastruktur | Pembinaan Pejabat SFM SCA | | | | | V | V | V | V | v | V | | | |
| | Pembinaan Nursery(Komite) | | | | | V | V | V | | | | | | |
| | Pembinaan 2 Platform "Bird Watching Spot" | | | | | V | V | V | V | | | | | |
| | Menaiktaraf Kinopi & Pelantar Bot Jety Sg.Timbang 1. | | V | V | V | V | | | | | | | | |
| | Menaiktaraf Trail 300m Ke Gua Sam Mannan | | | | | V | V | V | | | | | | |
| | Pembinaan Taril "Night Safari" Utk Wildlife | | | | | V | V | V | | | | | | |
| | Upgrade Tapak Perkhidaman Konkrit | | | | | V | V | V | V | V | | | | |
| | Pembinaan 1Bangunan Tandas & Tangki | | | | | V | V | V | | | | | | |
| | Upgrade Tandas Awam Resthouse FCS SCA | | | | | V | V | V | V | V | | | | |
| | Pembinaan Pondok Kawalan Bhg Utara TSFR | | | | | | V | V | V | V | | | | |
| | Pembekalan & Pemasangan Pendawaian Jety | | | | V | V | V | V | | | | | | |
| | Perkhidmatan Servising Engine Genset & Kerosakan | | V | | | | V | | | V | | | | V |
| Pemulihan Hutan | Penyelenggaran Jalan &7KM(Malukap,DePetin &Tapak) | | | | V | V | V | | | | | | | |
| | Membekal & Memasang Guarter,Tangki Gazebo TP & Landskap | | | | | | V | V | V | V | | | | |
| | Menaiktaraf Culvert Sg.Rose | | | | | | | | V | V | V | | | |
| | Rawatan Silvikultur 1625Ha | V | V | V | V | V | V | V | V | V | V | V | V | |
| Keselamatan Kawasan | Penanaman Buah-buahan 50 Ha | | | | | | | | V | V | V | | | |
| | Penyelenggaraan Tanaman 112.86 Ha | | | V | | | V | | V | | V | | | V |
| | Perolehan Kenderaan Untuk Perlindungan Hutan | | | | | V | | | | | | | | |
| | Pemasangan Papan Tanda & Plet HS 200 Pcs.HS | V | V | V | V | V | V | V | V | V | V | V | V | V |
| Keselamatan Kawasan | Perolehan Bot dan Engine 40Sp | V | | | | | | | | | | | | |
| | Perolehan 4 buah mesin Rumput | | V | | | | | | | | | | | |

| | | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Konservasi Hutan Dan Logistik | Rondaan Udara | | V | | V | | V | | V | | V | | V | | V |
| | Rondaan Darat | V | V | V | V | V | V | V | V | V | V | V | V | V | V |
| | Rondaan Laut & Sungai (Bot) | V | V | V | V | V | V | V | V | V | V | V | V | V | V |
| | Pembekalan 1 Set Walkie talkie | | V | | | | | | | | | | | | |
| | Pembekalan 1 Buah Chinsaw | | V | | | | | | | | | | | | |
| | Pembekalan 6 set Spotlight & 4 Betteri Basah | | V | | | | | | | | | | | | |
| | Pembekalan alat pencas Betteri Basah | | V | | | | | | | | | | | | |
| Wildlife monitoring & Perolehan Maklumat | Perolehan 5 buah Kamera Trip | | | V | | | | | | | | | | | |
| | Video Dokumentari SCA | | V | V | | | | | | | | | | | |
| | Pembekalan Beteri 2A-624 biji per/tahun | | V | | | | | | | | | | | | |
| | Lestari Sumber Ikan TSFR (Spesis Kanai) | | V | V | V | | | | | | | | | | |
| | Update Laporan Wildlife SFM Sugut | | | | | V | | | | | | | | | |
| Pensijilan FSC | Penyediaan Pindaan FMP untuk kelulusan | | | | V | V | | | | | | | | | |
| | Update Laman Sesawang SFM SUGUT | | | | | | V | | | | | | | | |
| | Update Laporan HCV SCA | | V | | | | | | | | | | | | |
| | Persediaan Auditor Pensijilan FSC | | | | | | | V | | | | | | | |
| | Kemaskini Data SOP | | | V | | | | | | | | | | | |
| | Kemaskini Data EIA | | | | V | | | | | | | | | | |
| | Kemaskini Kadar Kemandirian Tanaman | | | | | | V | | | | | | | | V |
| | Pemantauan Kualiti Air | | | V | | | | | | V | | | V | | |
| | Aktiviti-Aktiviti Komuniti & Stakeholder | | | | V | | | V | | | | V | | V | |
| | Penyelenggaran Sempadan Bhg Utara TSFR | | | V | V | V | V | V | | | | | | | |
| Pengurusan Projek | Penyeliaan & penyelenggaraan Projek | V | V | V | V | V | V | V | V | V | V | V | V | V | V |
| | Quarterly Progress Report Kerja | | | V | | | V | | V | | V | | V | | V |
| | Quarterly Progress Report Perbelanjaan PPM& PH | | | | V | | | | | V | | | | | V |
| | Compliance Report | | | | | V | V | V | V | V | | | | | |
| | Landskap SCA Sugut | | | | | V | V | V | V | | | | | | |

** Fcs=Forest checking Station, Cpt=Compartment, Jln=Jalan, Fsc=Forest stewardship council, HS=Hutan simpan, Utk=Untuk, SCA=Sugut Conservation Area

Jadual 6. Jadual List Pemantauan Perlaksanaan Dan Laporan kerja Lapangan sepanjang Tahun 2017

| Tarikh | Laporan Aktiviti Sepanjang Tahun 2017 | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|--------|---------------------------------------|--------------------|--------------------|--------------------|--------|----------|-----|-----|-----|-----|------|----------------------|--------|------------|---------|------------------------|----|--|--|
| | Qr 1 AW P | Qr 2 AW P | Qr 3 AW P | Qr 4 AW P | Cr | Fdr s | Sho | Sil | Reb | | Acdn | Darat/Lau t/Udara | Minyak | Kur sus | Meeting | Lawatan(Peg.Kanan/Ngo) | | | |
| | | | | | | | | | Tnm | Mtn | | | | | | DFO | TP | | |
| | 01 Apr | 01 jul | 01 sep | 01 dis | 27 Dis | Jan | Jan | | | | Jan | Jan | Jan | | | | | | |
| | Qr 1 pp m | Qr 2 pp m | Qr 3 pp m | | | Feb | Feb | | | | Feb | Feb | Feb | | | | | | |
| | Apr | Ogs | Dis | | | Mar | Mar | | | | Mar | Mar | Mar | | | | | | |
| | | | | | | Apl | Apl | | | | Apl | Apl | Apl | | | | | | |
| | | | | | | May | May | | | | May | May | May | | | | | | |
| | | | | | | Jun | Jun | | | | Jun | Jun | Jun | | | | | | |
| | | | | | | Jul | Jul | | | | Jul | Jul | Jul | | | | | | |
| | | | | | | Ogs | Ogs | | | | Ogs | Ogs | Ogs | | | | | | |
| | | | | | | Sep | Sep | | | | Sep | Sep | Sep | | | | | | |
| | | | | | | Oct | Oct | | | | Oct | Oct | Oct | | | | | | |
| | | | | | | Nov | Nov | | | | Nov | Nov | Nov | | | | | | |
| | | | | | | Dis | Dis | | | | Dis | Dis | Dis | | | | | | |

**Nota; Tnm=tanam, Mtn=Maintenance, Acdn=Accident, AWP=Annual Work Plan, Qr= Quarterly report, Peg=Pegawai

7.0 Aktiviti Perolehan Dan Pencapaian Perbelanjaan 2016

Hampir semua aktiviti Utama merujuk AWP 2016 dapat dilaksanakan, terutamanya menaiktaraf jalan Akses sejauh 5 KM dan Penyelenggaraan Jalan Sejauh 3KM. Perolehan Harta modal tahun ini sebuah generetor 60KVA. Dan terdapat dua Perlantikan kakitangan lelaki adalah sebagai Pembantu Penyelidikan secara kontrak. Rawatan silvikultur pada tahun 2016 adalah seluas **625 hektar**. Penanaman seluas **50 hekter**. Manakala kerja penyelenggaraan seluas 62.86 hekter(termasuk Tanaman IPS). Kesinambungan Jumlah **peruntukan PPM** yang telah diluluskan pada tahun 2015 sehingga 2016 ialah adalah lebihkurang **Rm 1,200,000.00**. Dan peruntukan tersebut telah dibelanjakan sebanyak **RM 1,734,095.86**. **Anggaran baki yang komited untuk dibelanjakan pada tahun 2106 lebih kurang RM376,696.06**. Projek ini juga telah menerima peruntukan dari **(Peruntukan Agro, S16 & Api)** lebih kurang **RM 1, 124, 168.77**. Jumlah perbelanjaan berbayar sebenar bagi tahun 2016 adalah sebanyak **RM 3, 020, 273.71**. Pada keseluruhannya, hampir ke semua yang telah dirancang dalam **Annual Work Plan 2016** dapat dimulakan dan dilaksanakan. Rujuk **Jadual 7**.

Jadual 7: Peruntukan kewangan Dan Perbelanjaan 2016

| Peruntukan | Butiran & Jumlah Peruntukan | Jumlah Perbelanjaan | Baki Peruntukan |
|--|-----------------------------|-----------------------|---------------------------|
| PPM 11/2014 | 1, 010, 000.00 | 2, 696, 576.87 | 553, 865.05(PPA) |
| PPM 01/2015 | 680, 000.00 | | |
| PPM 04/2010 | 420, 791.92 | | |
| PPM 13/2016 | 1, 200, 000.00 | | |
| WDA 03/2015 | 210, 000.00 | 234, 227.01 | 75, 772.99 (PPD Beluran) |
| WDA 13/2016 | 100, 000.00 | | |
| AGRO- Bekalan dll | | 688, 242.70 | |
| S16 Perjalanan & sara hidup(elaun) | | 108, 001.44 | |
| S16 Bekalan&bahan.Penyelenggaran Motobot | | | |
| S16 Bekalan&bahan.Penyelenggaran Loji dan Kenderaan | 30,000.00 | 29, 755.98 | 244.02 |
| Total Keseluruhan | | 3, 756, 804.00 | |
| Total Perbelanjaan sebenar | | 2, 088, 094.65 | |

8.0 Cabaran Pelaksanaan AWP 2016

- a. **Kakitangan** : Jika dibandingkan bermula 2014, kebanyakan kakitangan sudah memahami tugas masing-masing namun jumlah yang sedia ada tidak mencukupi untuk memenuhi sasaran 4 Unit yang dirancangkan.
- b. **Logistik:** Dengan terdapat Kenderaan khusus projek ini, permasalahan kenderaan tidak timbul pada tahun 2016.
- c. **Masalah Cuaca:** Kelancaran kerja adalah amat bergantung keadaan cuaca yang sering berubah-ubah. Masa hujan berterusan dari bulan April sehingga bulan Julai dan cuaca agak panas ogos sehingga bulan Oktober. Dan hujan semula November dan Disember. Semua perancangan dilapangan telah disesuaikan mengikut tempoh-tempoh tersebut.
- d. **Pencerobohan Bakau:** Walaupun terpaksa berhadapan dengan ancaman pencerobohan pencuri kulit tangar (Negara Jiran Filipina), pemburuan haram(kakitangan estet, komuniti berdekatan hutan Simpan dan pemburu daripada luar Paitan). Namun pada tahun 2016 ini, kawasan bakau di bawah Pentadbiran Pengurusan Lapangan SFM Sugut masih selamat.
- e. **Komuniti Dan Stakeholder:** Menangani tanggapan negatif komuniti/penduduk yang tinggal di sekeliling Hutan Simpan Trusan Sugut, kerana sebelum ini mereka beranggapan bahawa hak mereka dirampas ataupun dimusnahkan apabila Projek SFM ini dilaksanakan.
- f. **Kebakaran Hutan:** Hutan Simpan Trusan Sugut yang bersempadankan kawasan tanah bermilik dan Ladang-ladang sawit akan senantiasa berjaga-jaga apabila tempoh kering atau Kemarau. Peralatan pemadam Api mesti dalam keadaan yang baik dan boleh digunakan apabila berlaku kebakaran. Walaupun tempoh kemarau agak ketara, namun kawasan TSFR masih terselamat daripada kebakaran atas kerjasama stakeholder dan kesedaran penduduk sekeliling Hutan simpan amat baik.

9.0 KESIMPULAN

Annual Work Plan(AWP) 2017 dirangka untuk kesinambungan aktiviti-aktiviti 2016. Masih merancang kerja-kerja pemulihan hutan, keperluan infrastuktur, logistik dan kemudahaan-kemudahaan asas yang lain.

Dengan adanya kemudahan-kemudahan asas tersebut, akan memberi impak yang positif dari segi perlaksanaan kerja dilapangan. Sokongan Pihak Atasan dan Pengawai Perhutanan Daerah Beluran amat mempengaruhi pencapaian pada 2016.


Walaupun dalam keadaan ekonomi yang merudung pihak Pengurusan Perhutanan Sabah dapat juga meluluskan peruntukan untuk perlaksanaan Projek. Jumlah kos perlaksanaan berbayar pada tahun 2016 lebih kurang **RM 2, 008, 094.65**.

Anggaran Perbelanjaan keseluruhan projek SCA SUGUT bagi tahun 2017 adalah di anggarkan lebih kurang **Rm 3, 811, 649.30. (Merujuk Senarai Kerja AWP 2017)**.

Oleh itu, pada tahun 2017 Kos yang diperlukan daripada PPM & PH untuk kesinambungan perlaksanaan Projek adalah berjumlah lebih kurang (**RM 3, 811, 649.30 - RM 629, 638.04**) = **RM 3, 182, 011.26**. Kos ini agak mendedak meningkat kerana dipengaruhi daripada komponen Prasarana Asas, infrastruktur, keluasan kawasan rawatan silvikultur, kos penanaman, Kos keluasan penyelenggaraan tanaman dan perolehan-perolehan peralatan pengurusan, Pembekalan dan persediaan Auditor Pensijilan FSC bagi 2017(Merujuk CARs 2016) .


Lampiran 1

Rangkaian Pemantauan melalui Udara




Lampiran 2

Upgrade Menimbus Gravel; Jalan Akses Melukap, De Petin Dan Jalan Tapak




LAMPIRAN 3

Kawasan Rawatan Silvikultur Compartment 3 Dan Compartment 10 Bagi Tahun 2017




LAMPIRAN 4

Kawasan Penyelenggaran Tanaman Seluas 50ha Di Compartment 5 & 9



LAMPIRAN 5

Kawasan Penyelenggaran Tanaman Seluas 60ha Di Compartiment 2, 3, 4 & 5



LAMPIRAN 7

Kawasan Penanaman Seluas 50ha bagi 2017(CPT 9 & CPT 10)

